

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 APRIL 2016

MASA DEPAN PROTON

Dr M perlu beri penjelasan

» Ahli lembaga pengarah, pemegang saham digesa berani ubah budaya 'pekak, bisu dan buta'

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad perlu bertanggungjawab dengan tampil dan menjawab berhubung kegagalan Proton Holdings Bhd (PROTON).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata Dr Mahathir perlu menjawab mengapa syarikat automotif tempatan itu dilanda masalah kewangan yang serius, walaupun berbilion-bilion wang rakyat sudah dibelanjakan kepadanya.

Beliau yang juga Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN) berkata, Dr Mahathir juga perlu bertanggungjawab di atas kegagalan PROTON yang juga ideanya dan sepanjang menjadi pengerusi syarikat terbabit.

"Ahli lembaga pengarah dan pemegang saham PROTON perlu berani untuk menyelesaikan apa jua masalah legasi yang ditinggalkan oleh bekas pengerusinya ini.

BH-3/4/2016



Berita Harian
MERENTAS GENERASI

PROTON PERLU BERUBAH

// PENGLUAR KERETA NASIONAL SUDAH TERIMA GERAN, PELBAGAI BANTUAN LAIN, CUKAI TIDAK DIKUTIP BERJUMLAH RM13.9 BILION tetapi masih berdepan masalah dan kemuka pemohonan bantuan baharu

// KERAJAAN DAPATI MODEL PERNIAGAAN SEDIA ADA PROTON TIDAK MAMPU BERTAHAN, justeru jika bantuan diberi ia perlu berubah termasuk dapatkan rakan strategik asing, diuruskan secara profesional dan tidak ada campur tangan luar

BERITA MUKA 6, 7, 8

BH PLUS ARMAD DHANI RASA LEBIH DISENANGI DI MALAYSIA
Kandungan BH ONLINE masih percuma | Layari www.bharian.com.my

HORMATI SESAMA MANUSIA, SAMA MELAKUKAN
BORANG UNDIAN TOP

"Dalam erti kata lain, mereka perlu serius dan tidak takut untuk mengubah budaya 'pekak, bisu dan buta' di dalam PROTON," katanya di dalam akaun Twitter peribadi beliau, semalam.

Pelbagai reaksi netizen

Kelmarin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed mengingatkan PROTON bahawa ia tidak akan menerima perlindungan daripada kerajaan selama-lamanya.

Katanya, kerajaan juga beranggapan model perniagaan sedia ada PROTON tidak mampu bertahan, justeru jika ban-



"**Mereka perlu serius dan tidak takut untuk mengubah budaya 'pekak, bisu dan buta'**"

Abdul Rahman Dahlan,
Pengarah Komunikasi Strategik BN

tuan diberikan, ia akan bergantung kepada keupayaan syarikat itu memenuhi beberapa syarat, termasuk mengenal pasti rakan strategik asing dan harus diuruskan secara profesional.

Abdul Rahman berkata, sejak penubuhan PROTON pada 1983, sebanyak RM13.9 bilion wang rakyat sudah disalurkan kepada pengeluar kereta nasional pertama negara berkenaan.

Kritikan Abdul Rahman terhadap PROTON menerima pelbagai reaksi daripada warga netizen dengan ada yang menyokong kenyataannya itu dan tidak kurang yang membangkang.

Keratan muka depan akhbar BH, semalam.